



PERMOHONAN MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Universiti Utara Malaysia. Keutamaan diberikan kepada kakitangan UUM (Kontrak) yang sedia ada.

BIL	JAWATAN
1	PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43/UD47/UD51/UD53/PAKAR UD55
2	PEGAWAI TADBIR GRED N41

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI PERUBATAN GRED UD43/UD47/UD51/UD53/PAKAR UD55**
- (b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan dan Kesihatan (U)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuhan Tetap Keraian (RM)	Imbuhan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (RM)
UD43	3,611.00	10,560.00	250.00	400.00	400.00	250.00
UD47	5,211.00	11,769.00	270.00	550.00	700.00	250.00
UD51	5,860.00	12,449.00	290.00	600.00	700.00	250.00
UD53	6,182.00	13,256.00	320.00	800.00	900.00	250.00
UD55	6,504.00	14,063.00	400.00	2,100.00	1,100.00	250.00

Syarat Lantikan :

- Ijazah sarjana muda dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; **ATAU**
- Calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia; **DAN**
- Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan; **DAN**
- Lulus Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred :

UD43: RM3,611.00;
UD47: RM5,211.00;
UD51: RM5,860.00;
UD53: RM6,182.00;
UD55: RM6,504.00)

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Perubatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit, menguruskan rawatan dan pemeriksaan ibu-ibu mengandung serta menyambut kelahiran bayi, menjalankan pemeriksaan mayat, menyediakan laporan, menjalankan tugas-tugas on call dan menyampaikan ceramah-ceramah.

2. (a) Jawatan : **PEGAWAI TADBIR GRED N41**
(b) Badan Berkanun : Universiti Utara Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran & Sokongan (N)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (RM)	Imbuhan Tetap Perumahan (RM)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (RM)
N41	2,080.00	9,546.00	225.00	300.00	300.00	250.00

Syarat Lantikan :

- Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); ATAU
- Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43); DAN
- Kepujian Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Taraf Jawatan : **Tetap**

Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Tadbir adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Fungsi Bidang Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab menguruskan perolehan peralatan pejabat agensi-agensi kerajaan, memberi khidmat pakar runding terhadap sistem kerja serta pengurusan kakitangan.

CARA MEMOHON

- Semua permohonan jawatan hendaklah dibuat melalui sistem dalam talian (online) yang boleh dicapai melalui pautan laman sesawang **<http://www.perjawatan.uum.edu.my/>**
- Pemohon perlu mendaftar (bagi pengguna baharu sahaja) sebelum mengisi maklumat yang diperlukan dalam sistem ini.
- Tarikh tutup permohonan : **07 Februari 2021 (Ahad)**

CATATAN TAMBAHAN

- a. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu duga.
- b. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- c. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Utara Malaysia.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar,
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok,
Kedah Darul Aman

Tel : 04-928 3114/3113
Faks : 04-928 3120